

Toyota Classics 2014 terus bantu pertubuhan memerlukan

Bagi meraikan sambutan jubli perak Toyota Classics tahun ini, UMW Toyota Motor bukan saja mencapai, malah melangkaui jangkaan sebagai projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang utuh selama 25 tahun.

Membawa angin perubahan kepada 56 pertubuhan bukan berasaskan keuntungan dan kebajikan di Malaysia, projek CSR ini mengumpul lebih daripada RM7 juta.

Muzik dan kehidupan

Acara Toyota Classics menjadi tunjang dalam sumbangan kepada masyarakat, dengan setiap persembahan berperanan sebagai pembuka peluang untuk memberi kesan kepada perubahan dan menjadi lebih baik, lebih kuat dan sentiasa di barisan depan, dalam berbakti kepada masyarakat.

Tahun 2014 pula menandakan sambutan suku abad gemilang untuk Toyota Classics, dengan tema Muzik yang Menyentuh Kehidupan. Ia muncul pesta yang menggabungkan muzik orkestra klasik dengan glamor layar perak. Kali ini, ia memper-



Vasko Vassilev dan Pamela Tan-Nicholson.

sembahkan Covent Garden Soloists Orchestra dengan penampilan pengasasnya, Vasko Vassilev, dan pemuzik terbilang, Pamela Tan-Nicholson.

Buat kali pertama, Toyota Classics 2014 akan memaparkan gubahan muzik seorang komposer dan pemain piano, Nicholson.

Acara kemuncak perayaan jubli perak Toyota Classics akan disambut di Dewan Filharmo-

nik Petronas dan hasil kutipan jualan tiket akan disumbangkan kepada Yayasan Paru-Paru Malaysia (LFM), Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) dan Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia, serta Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Ditubuhkan pada November 2005, LFM ialah yayasan bukan berasaskan keuntungan yang mengumpul dana bagi

menyumbang ke arah menambah baik tahap penjagaan dan rawatan pesakit berkaitan paru-paru.

“Yayasan ini mahu mencetuskan anjakan paradigma dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai penyakit paru-paru. Dengan kemurahan hati UMW Toyota Motor, kami berhasrat membeli peralatan sokongan pernafasan bagi membantu pesakit kami yang kurang berkemampuan,” kata ahli Lembaga Pengarah LFM, Datuk Dr Aziah Ahmad Mahayiddin.

Utama kesejahteraan pesakit

Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Chong Hee, pula menjelaskan bahawa yayasan itu berusaha menjadi pusat sumber sehati kebangsaan untuk pencegahan dan rawatan penyakit buah pinggang.

NKF membuka pusat dialisis pertamanya di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur pada tahun 1993.

“Dengan dana sumbangan daripada Toyota Classics, kami berharap dapat memastikan kesinambungan kesihatan yang

baik dan kesejahteraan pesakit menerusi konsep penjagaan holistik, dengan membeli sebuah van supaya kami dapat melaksanakan program pemeriksaan kesihatan bergerak,” katanya

Sementara itu, Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh Malaysia menempatkan 120 anak yatim berusia bawah 13 tahun di premis mereka, menyediakan bantuan kepada gadis kurang bernasib baik, selain memberikan pendidikan yang sempurna.

“Kami bermatlamat untuk memastikan individu, terutama kanak-kanak yang tinggal di rumah perlindungan kami, mampu menikmati kehidupan dan mendapat pendidikan yang seiring dengan inspirasi serta aspirasi negara,” kata pembantu kepada pengasas pertubuhan itu, Norshahida Khalid.

YIDE pula yayasan yang baharu ditubuhkan pada tahun 2012 bagi memberikan penjagaan perubatan dan rawatan, termasuk lima pusat dialisis dan bantuan pendidikan kepada golongan miskin.